

Tiada halangan penuntut IPT mengundi

Sinar Harian (Newsm 1) 21/7/23

Hanya dua universiti sedang dalam peperiksaan tetapi tidak diadakan pada tarikh PRN

Oleh **NURFARDLINA IZZATI MOKTAR**
HULU TERENGGANU

Terdapat dua universiti tempatan terlibat dalam peperiksaan semasa tarikh pengundian pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos ini, berikutan kebanyakannya sudah selesai menjalaninya pada tempoh berkenaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, hanya dua universiti yang masih menghadapi peperiksaan, bagaimanapun tidak diadakan pada tarikh pengundian tersebut.

"Pada hari mengundi, kebanyakan universiti sudah habis peperiksaan. Jadi memang sedang cuti. Hanya dua universiti yang ada peperiksaan tapi tidak diadakan pada hari Sabtu (12 Ogos).

"PRN hanya di enam negeri, manakala tujuh lagi negeri tak ada pilihan raya. Jadi ramal pelajar memberi pandangan peperiksaan perlu diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional Parlimen Hulu Terengganu di Plaza Rahmat OKB,



Mohamed Khaled Nordin ditemui selepas Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya BN Parlimen Hulu Terengganu di Plaza Rahmat OKB, Kuala Berang pada Rabu malam.

Kuala Berang pada Rabu malam.

Pada 5 Julai lepas, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memutuskan bahawa PRN di Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan dijalankan serentak dengan 12 Ogos sebagai tarikh pengundian.

Sebelum ini, media melaporkan, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** antara universiti yang terkesan dengan penetapan tarikh pengundian pada 12 Ogos oleh SPR bagi enam PRN berkenaan.

UUM memulakan peperiksaan bermula hujung Julai sehingga pertengahan Ogos nanti, manakala UMP mengadakan

pengambilan baharu bagi pengajian diploma ketika PRN berlangsung.

Mohamed Khaled berkata, kebanyakan pelajar berada di kampung halaman masing-masing pada masa ini berikutan menghabiskan peperiksaan dan sedang menjalani cuti semester.

Sementara itu, beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, senarai nama calon BN yang akan bertanding pada PRN akan diumumkan serentak dengan calon Pilihan Raya Kecil Terengganu, Jumaat.

"Agihan kerusi Pakatan Harapan-BN, kalau ada pun saat-saat akhir ini ada satu hingga dua kerusi (belum selesai). Lagi 95 peratus sudah selesai," ulasnya.